

16 AUG 1997

MALAYSIA BERBINCANG DENGAN NEGARA ASEAN LAIN MENGENAI MATAWANG

KUALA LUMPUR, 16 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang tidak senang hati dengan kedudukan ringgit yang lemah sekarang ini berkata, Malaysia sedang membincangkan dengan negara-negara Asean yang lain yang turut menghadapi masalah yang sama untuk menangani perkara itu.

Beliau berkata, bank-bank pusat di rantau itu, termasuk Bank Negara saling "berkomunikasi".

"Kita sedang berbincang dengan banyak pihak sekarang," kata beliau apabila ditanya sama ada bank-bank pusat di rantau ini akan berganding bahu untuk menangani penurunan nilai beberapa matawang Asean.

"Kita sedang mengkaji apa yang kita boleh buat...Kita mempunyai sedikit komunikasi," kata beliau kepada pemberita selepas merasmikan persidangan perwakilan ke 26 parti Gerakan di sini.

Nilai Ringgit, Rupiah di Indonesia, Baht di Thailand dan Peso di Filipina menyusut berbanding dolar Amerika sejak beberapa minggu kebelakangan ini kerana kegiatan spekulasi matawang.

Apabila ditanya sama ada beliau senang hati dengan nilai ringgit sekarang, Dr Mahathir berkata: "Sudah pasti saya tidak senang hati. Saya mahu (ringgit) untuk kembali ke tahap yang boleh diterima."

Apabila diberitahu yang spekulator-spekulator masih menekan ringgit, Perdana Menteri berkata: "Mereka boleh menekan sebanyak mana yang boleh".

"Tetapi kita tetap akan mengatasinya. Kita mempunyai keyakinan yang kita boleh menguruskan ekonomi kita. Semua penyangak ini dan semua itu, mereka boleh berbuat apa yang mereka suka," kata beliau.

Dr Mahathir juga memperbaharui kritiknya terhadap jutawan dan pembiaya kewangan Amerika Syarikat George Soros yang dikatakan menjadi dalang di sebalik kejatuhan nilai ringgit.

"Orang bergelar dermawan, Encik Soros, boleh dilihat sebagai dermawan yang mencuri daripada miskin dan memberikan balik sedikit daripadanya secara amal," kata beliau.

Perdana Menteri berkata, oleh kerana apa yang dikatakan sebagai "ekonomi terbuka", negara-negara kaya hari ini telah mendapat helah baru untuk menindas negara-negara miskin.

"Semuanya memihak kepada mereka. Mereka mempunyai wang dan boleh menindas kita. Kita berusaha gigih selama 14 tahun membina ekonomi kita dan mereka ini pula datang merompak orang miskin," kata beliau.

Ditanya sama ada, kerajaan harus mengambil langkah-langkah menarik pelancong asing memandangkan nilai ringgit yang lemah sekarang, Dr Mahathir berkata ia boleh dibuat tetapi akan mengambil masa yang lama.

"Sementara itu, ringgit yang tidak stabil menjadi masalah. Anda tidak tahu apa yang akan berlaku," kata beliau.

Sebagai contoh, beliau berkata walaupun kerajaan mengurangkan harga bagi barangan tertentu, input asing dalam barangan itu akan menjadikannya lebih mahal lagi.

Mengenai Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), Perdana Menteri mengulangi bahawa pelabur tempatan dan pengurus dana mesti melindungi BSKL dengan mengekalkan harga kaunter-kaunter "jika tidak mereka akan kerugian".

"Kita telahpun kerugian lebih RM200 bilion iaitu jumlah yang sama dengan belanjawan negara bagi empat tahun dan ini kerana perompak-perompak itu datang untuk menjejaskan ekonomi kita," kata beliau.

Mengenai langkah memelahirkan pelaksanaan beberapa projek besar

tertentu, Dr Mahathir berkata ia hanya membabitkan projek-projek kerajaan sementara sektor swasta boleh meneruskan projek mereka seperti dijadualkan.

"Projek-projek kerajaan, kita perlu memelohkannya sedikit, itu sahaja. Yang lainnya, boleh diteruskan," kata beliau.

Dr Mahathir juga menjelaskan tiada projek raksaksa yang dilaksanakan oleh kerajaan kecuali Lapangan Terbang Antarabangsa KL yang hampir siap. --

BERNAMA

ES PR MA